

# Dua universiti awam disasar 100 terbaik dunia menjelang 2020

**Pelan** Pembangunan Pendidikan Negara 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) yang akan dilancarkan pada 7 April ini berupaya meletakkan dua universiti awam tempatan dalam kedudukan 100 universiti terbaik dunia menjelang tahun 2020.

Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh (**gambar**), berkata sasaran kementerian itu berdasarkan kebanyakan universiti tempatan berjaya

melonjakkan pencapaian dari segi kedudukan dalam ranking.

Sebagai contoh, katanya berdasarkan Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings (QS Rankings), kedudukan Universiti Malaya (UM) meningkat daripada 167 pada tahun 2013 kepada 151 pada tahun 2014; Universiti Kebangsaan Malaysia (daripada 269 kepada 259); Universiti Teknologi Malaysia (daripada 355 kepada



294), Universiti Sains Malaysia (daripada 355 kepada 309) dan Universiti Putra Malaysia (daripada 411 kepada 370).

## Atasi universiti terkemuka

Katanya, UM berjaya mengatasi ranking universiti terkemuka seperti University Exeter, Universiti Politeknik Hong Kong, Universiti Michigan,

Universiti Tel Aviv, Universiti Georgetown Washington DC, Institut Teknologi India Mumbai, Universiti George Washington, Universiti RMIT dan Universiti Curtin.

“Walaupun universiti kita belum berada pada kedudukan 100 terbaik dunia, kebanyakan universiti kita berjaya melonjakkan pencapaian yang sentiasa menampakkan peningkatan.

“Berdasarkan ranking program pengajian dan fakulti, kita patut berbangga kerana 11 fakulti daripada universiti awam kita mempunyai kedudukan dalam 100 terbaik dunia,” katanya ketika mengunggulkan perbincangan usul menjunjung kasih titah ucapan Yang di-Pertuan Agong, di Dewan Rakyat, semalam.